

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
MYS LOGISTICS SDN BHD

OLEH

WAN MUINUDDIN BIN WAN LOKMAN

Sarjana Muda Pengurusan
(Pengurusan Maritim)

Laporan Latihan Industri Diserah Kepada

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

EN:2556

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1100039957

LI 86 FPE 2 2005



1100039957

Laporan akhir Latihan Industri di MYS Logistics Sdn. Bhd) / Wan Mainuddin Wan Lokman.

PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

1100039957

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

L
86
TPE
2
2005-

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI MYS LOGISTICS SDN. BHD.

Disediakan oleh

WAN MUINUDDIN BIN WAN LOKMAN
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(MARITIM)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

1100039957

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **WAN MUINUDDIN BIN WAN LOKMAN**, mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan,



Nama : **WAN MUINUDDIN BIN WAN LOKMAN**

Tarikh : **2005**

Disahkan Oleh :

Wan Mariam binti Wan Abdullah

Penyelia KUSTEM

b/p Pengurus Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE)

Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t

Terlebih dahulu pelatih ingin meluahkan rasa kesyukuran ke hadrat Illahi kerana limpah dan kurniaNya, dapat pelatih menghasilkan Laporan Latihan Industri ini setelah menjalani selama dua belas minggu tempoh latihan di MYS Logistics Sdn. Bhd. (MYS)

Pelatih mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan kepada Jabatan Pengurusan dan Pemasaran di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM), yang telah memberi saya peluang untuk menimba ilmu dan pengalaman di alam pekerjaan yang sebenar melalui program Latihan Industri yang disediakan. Juga tidak mungkin dilupakan kepada Penyelia Industri pelatih iaitu, Cik Wan Mariam Binti Wan Abdullah yang banyak memberi tunjuk ajar dan panduan sebelum, semasa dan selepas pelatih menjalani latihan industri. Sesungguhnya jasa dan budi Cik Wan amatlah dihargai.

Di samping itu, pelatih ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada MYS Logistics Sdn. Bhd. kerana sudi menerima pelatih untuk menjalankan latihan industri di Bahagian Operasi di Kemaman Supply Base (KSB). Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih buat Encik Amirrul Shahriza bin Mohamad selaku *Assistant Operator* di MYS kerana tunjuk ajar dan pengetahuan

yang dicurahkan kepada pelatih sepanjang tempoh latihan. Jasa dan pengorbananmu akan dikenang hingga ke akhir hayat. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada Encik Zulkifli bin Mat Yakim selaku Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) MYS kerana kesudian tuan menerima pelatih menjalani latihan industri di tempat tuan. Pelatih juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada warga kerja di MYS keseluruhannya di atas segala tunjuk ajar, nasihat, gurauan, bimbingan dan teguran daripada kalian semua.

Tidak lupa pada rakan-rakan seperjuangan yang telah memberikan pendapat, pengetahuan, maklumat, serta idea-idea yang bernas bagi menyiapkan Laporan Latihan Industri ini. Jutaan terima kasih diucapkan kepada keluarga yang banyak membantu pelatih menjalani latihan industri dengan selesa dan segala bantuan, galakkan dan dorongan akan diingati sampai bila-bila. Hanya Allah s.w.t. yang dapat membalas jasa kalian dan semoga Allah menempatkan kalian di dalam golongan yang beriman dan bertaqwa.

ISI KANDUNGAN

<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
PENGHARGAAN	ii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
RINGKASAN EKSEKUTIF	ix
BAB 1	
1.0 Latar Belakang MYS Logistics Sdn. Bhd.	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Lokasi	4
1.3 Aktiviti-aktiviti Yang Dijalankan	
(i) Menguruskan Aktiviti Mengeksport Barang (<i>Outward Bound</i>)	5
(ii) Menguruskan Proses Mengimport Barang (<i>Inward Bound</i>)	6
(iii) Aktiviti Perkapalan	6
(iv) Aktiviti Pembarangan (<i>forwarding</i>)	7
(v) Melakukan kerja-kerja Pengisian Minyak JET A1 dan Teresso	8
(vi) Aktiviti Pembersihan Tangki Minyak JET A1	9
1.4 Maklumat Organisasi	10
1.5 Carta Organisasi	12
1.6 Perkara Yang Ingin Dipelajari Sepanjang Latihan Industri	16

BAB 2

2.0 Mengenalpasti Sistem Sedia Ada, Pengenalpastian dan Analisis Masalah, Cadangan Penyelesaian dan Perlaksanaan.	17
2.1 Sistem Penerimaan Barang <i>Bonded</i>	17
2.1.1 Objektif Sistem Penerimaan Barang <i>Bonded</i>	17
2.1.2 Prosedur Dalam Sistem Penerimaan Barang <i>Bonded</i>	18
2.1.3 Pengenalpastian dan Analisis Masalah	23
2.1.4 Cadangan Penyelesaian dan Perlaksanaan	26
2.1.5 Implikasi Penyelesaian	27
2.2 Sistem Penghantaran Barang <i>Bonded</i>	28
2.2.1 Objektif Sistem Penghantaran Barang <i>Bonded</i>	28
2.2.2 Prosedur Dalam Menghantar Barang <i>Bonded</i>	29
2.2.3 Pengenalpastian dan Analisis Masalah	34
2.2.4 Cadangan Penyelesaian dan Perlaksanaan	37
2.2.5 Implikasi Penyelesaian	39
2.3 Sistem <i>Outward Vessel</i>	40
2.3.1 Objektif Sistem <i>Outward Vessel</i>	40
2.3.2 Prosedur Dalam Sistem <i>Outward Vessel</i>	40
2.3.3 Pengenalpastian dan Analisis Masalah	45
2.3.4 Cadangan Penyelesaian dan Perlaksanaan	47

2.3.5 Implikasi Penyelesaian	48
------------------------------	----

BAB 3

3.0 Penutup	49
-------------	----

Lampiran

SENARAI JADUAL

PERKARA

Jadual 1.0

MUKA SURAT

38

SENARAI RAJAH

<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
Rajah 1.0: Carta Organisasi MYS	12
Rajah 1.1 Carta Organisasi di MYS Kemaman Supply Base (KSB)	13
Rajah 1.2 Carta Organisasi di Ibu Pejabat MYS, Taman Chukai Utama	14
Rajah 1.3 Carta Organisasi MYS cawangan Kota Bharu	15
Rajah 2.1 Carta Aliran Sistem Penerimaan Barang <i>Bonded</i>	21
Rajah 2.2 Carta Aliran Sistem Penghantaran Barang <i>Bonded</i>	32
Rajah 2.3 Carta Aliran Sistem <i>Outward Vessel</i>	43

RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi di bawah Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) telah menganjurkan suatu program yang sangat berfaedah iaitu, Program Latihan Industri yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajarnya agar dapat melalui suasana di alam pekerjaan yang sebenar. Sepanjang dua belas minggu pelatih menjalani latihan industri di MYS Logistics Sdn. Bhd, pelatih ditempatkan di bahagian operasi di Kemaman Supply Base. Bahagian Operasi sentiasa berkomunikasi dengan ibu pejabat yang berada di Taman Chukai Utama, Kemaman. Hal ini kerana untuk memastikan agar segala berita, maklumat dan perkembangan terkini sentiasa dikongsi bagi memudahkan urusan perjalanan pengurusan syarikat. Bahagian Operasi bertanggungjawab melakukan segala hal yang berkaitan dengan perkapalan, *forwarding*, logistik, dan lain-lain kerja operasi. Pun begitu, MYS juga menjalankan aktiviti lain seperti pengisian minyak JET A1 di mana ianya adalah kerosin sebagai bahan bakar bagi helikopter. Pengisian minyak JET A1 ini merupakan aktiviti operasi yang sentiasa dilakukan di bahagian operasi di samping urusan *forwarding*. Dalam bidang kerja *forwarding*, terdapat dua kategori barang yang diuruskan iaitu barang tempatan (*local goods*) dan barang *bonded* (*import goods*). Terdapat sistem-sistem yang berlainan berkenaan dengan penerimaan barang *local* dan *tempatan*, dan penghantaran barang *local* dan *tempatan*. Pelatih mengenalpasti, urusan yang melibatkan barang *bonded* adalah lebih rumit yang menuntut masa yang agak lama untuk diselesaikan berbanding dengan barang *local*. Dari segi perkapalan, MYS bertanggung jawab untuk membuat clearance vessel agar kapal boleh berlayar keluar dan masuk (outward and inward vessel) tanpa menghadapi masalah. Kesimpulannya, pelatih mendapati setiap sistem kerja yang dipraktikkan perlu mengikuti prosedur yang tertentu dan haruslah mencapai objektif yang tertentu. Pelatih berpendapat bahawa Latihan Industri ini sedikit sebanyak telah membuka peluang kepada setiap bakal graduan di bawah Sarjana Muda Pengurusan Maritim untuk merasai sendiri dan menimba pengalaman serta pengetahuan di dalam profession pekerjaan yang sebenar. Segala input yang dikutip sepanjang tempoh latihan dapat dijadikan sebagai aset dalam menghadapi dunia pekerjaan yang sebenar yang mencabar kelak.